Bank Pilihan Anda

SIARAN MEDIA

BANK RAKYAT PACU INOVASI PERBANKAN

MENERUSI PROGRAM FINTECH ACCELERATOR

KUALA LUMPUR, 30 OKTOBER 2026 – Bank Rakyat mempergiat usaha membangunkan solusi perbankan inovatif bagi mempertingkatkan kecekapan operasi dan menambah baik pengalaman pelanggan menerusi Bank Rakyat Fintech Accelerator Programme 2026 (BRFAP 2026).

BRFAP 2026 dilaksanakan menerusi kerjasama antara Bank Rakyat, PlugAndPlay serta Persatuan Fintech Malaysia (FAOM) yang dimeterai melalui memorandum persefahaman (MoU), dengan sokongan Payments Network Malaysia Sdn Bhd (PayNet).

Program yang mendapat sambutan menggalakkan dengan 79 permohonan secara keseluruhan berkenaan melabuhkan tirainya dengan majlis penyampaian hadiah di Menara Kembar Bank Rakyat, menyaksikan 11 syarikat fintech berjaya menamatkan program tersebut.

Antaranya termasuk TNEX Malaysia Sdn Bhd, Carbon AI Sdn Bhd, PowerCred Technologies, Dataverse Sdn Bhd, Finology Sdn Bhd, IntelliLabs AI Solution, Codebase Technologies, GBG (Malaysia) Sdn Bhd, Vespid Sdn Bhd, Unbraided AI Sdn Bhd dan Wazzap Me Sdn Bhd.

Daripada 11 syarikat fintech berkenaan, TNEX Malaysia Sdn Bhd berjaya meraih hadiah *Grand Award*, manakala Unbraided AI Sdn Bhd dan Carbon AI Sdn Bhd masing-masing menerima *Silver Award* dan *Bronze Award*.

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Bank Rakyat, Encik Ahmad Shahril Mohd Shariff dalam ucapannya berkata, program tersebut bertujuan bagi mengenal pasti solusi fintech yang dapat menangani pernyataan masalah (problem statement) dalam operasi perbankan serta berpotensi dinilai pada peringkat pembuktian konsep (proof of concept).

“Program ini memberi peluang kepada syarikat fintech untuk menyesuaikan solusi mereka dengan keperluan sebenar perbankan melalui bimbingan pakar industri dan maklum balas daripada institusi perbankan.

“Matlamat kami adalah untuk menterjemahkan idea inovatif kepada solusi praktikal yang dapat meningkatkan mutu perkhidmatan dan memberikan nilai tambah kepada pelanggan. Inisiatif ini turut menawarkan peluang kerjasama antara Bank Rakyat dengan syarikat fintech bagi menyokong transformasi digital Bank Rakyat,” ujar beliau.

Sepanjang program tersebut, syarikat fintech yang terpilih telah mengikuti sesi orientasi, bengkel, bimbingan mentor, latihan pembentangan serta perkongsian daripada industri sebelum penilaian akhir.

-TAMAT-

Your Bank of Choice

MEDIA RELEASE

BANK RAKYAT DRIVES BANKING INNOVATION THROUGH FINTECH ACCELERATOR PROGRAMME

KUALA LUMPUR, 30 OCTOBER 2026 – Bank Rakyat is advancing the development of innovative banking solutions to further strengthen operational efficiency and enhance the customer experience through the Bank Rakyat Fintech Accelerator Programme 2026 (BRFAP 2026).

The programme is delivered through a collaboration between Bank Rakyat, PlugAndPlay and the Fintech Association of Malaysia (FAOM), formalised through a memorandum of understanding (MoU), with support from Payments Network Malaysia Sdn Bhd (PayNet).

The programme, which received an encouraging response with a total of 79 applications, concluded with a prize-giving ceremony at Menara Kembar Bank Rakyat, marking the successful completion of the programme by 11 fintech companies.

These include TNEX Malaysia Sdn Bhd, Carbon AI Sdn Bhd, PowerCred Technologies, Dataverse Sdn Bhd, Finology Sdn Bhd, IntelliLabs AI Solution, Codebase Technologies, GBG (Malaysia) Sdn Bhd, Vespid Sdn Bhd, Unbraided AI Sdn Bhd and Wazzap Me Sdn Bhd.

Among the 11 fintech companies, TNEX Malaysia Sdn Bhd won the Grand Award, while Unbraided AI Sdn Bhd and Carbon AI Sdn Bhd received the Silver Award and Bronze Award respectively.

Bank Rakyat Group Chief Executive Officer, Encik Ahmad Shahril Mohd Shariff, said in his speech that the programme aimed to identify fintech solutions that address specific problem statements in banking operations and have the potential to progress to proof of concept evaluation.

“The programme gives fintech companies the opportunity to tailor their solutions to practical banking needs through guidance from industry experts and feedback from banking institutions.

“Our aim is to translate innovative ideas into practical solutions that improve service quality and deliver greater value to customers. This initiative also offers opportunities for collaboration between Bank Rakyat and fintech companies to support the Bank’s digital transformation,” he said.

Throughout the programme, the selected fintech companies participated in orientation sessions, workshops, mentoring, pitch training and industry sharing sessions before undergoing the final assessment.

–END–